

Beras import cetus penubuhan JPS

JIKA tidak kerana isu lambakan beras import yang mendominasi hampir keseluruhan bekalan komoditi itu di Tanah Melayu pada awal kurun ke-20, mungkin Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak wujud pada hari ini.

Penubuhan agensi yang dahulunya dikenali dengan nama Jabatan Parit dan Tali Air (JPT) itu bermula apabila pasaran beras di Tanah Melayu pada akhir dekad 1920-an menyaksikan kemasukan beras luar khususnya dari Thailand yang nyata menguasai pasaran ketika itu.

Penjajah British sewaktu itu membentuk Jawatankuasa Penanaman Padi pada 1930 ekoran krisis tersebut dan dalam laporannya yang siap pada 1931, ia membuat kesimpulan bahawa 'pergantungan penuh padi import punca bahaya'.

Sebetulnya ia juga bertitik tolak daripada pengalaman krisis makanan di seluruh Tanah Melayu pada 1918 dan 1926 sehingga menyaksikan Jabatan Kerja Raya (JKR) dirombak khusus untuk projek bekalan beras negara.

Namun asas penubuhan JPS sudah bermula pada 1913 apabila Cawangan Tali Air dibentuk khas di bawah JKR untuk menangani penyelidikan hidrologi sebelum diubah namanya kepada Cawangan Hidraulik pada



KEMASUKAN beras import terutama dari Thailand pada tahun 1920-an mencetuskan idea penubuhan JPS. – Gambar hiasan.

1914.

Bidang tugas cawangan ini lebih luas termasuk menjalankan kerja ukur dan penyelidikan pemeliharaan sungai sebelum fungsinya ditambah pada 1927 berikutan krisis terburuk beras yang dialami Tanah Melayu ketika itu.

Akhirnya pada 1 Januari 1932,

selaras dengan laporan Jawatankuasa Penanaman Padi, JPT diwujudkan sebagai jabatan baru yang memiliki kuasa eksekutif di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat. Sementara di lima negeri Melayu

Tidak Bersekutu, JPT hanya bertindak sebagai penasihat, namun objektifnya di seluruh Tanah Melayu adalah sama malah lebih besar iaitu memelihara sungai dan mencegah berlaku banjir.

Ini kerana Tanah Melayu pernah mengalami banyak banjir besar seperti pada tahun 1902 dan 1926, waima setelah merdeka iaitu pada 1971 dan terbaru paling buruk pada akhir tahun lalu.

Pengarah pertama ialah F.G. Finch diikuti A.G. Robinson sebelum diambil alih pegawai Jepun ketika era pendudukan Jepun dari 1942 hingga 1945. Kini jabatan itu sudah diketuai 12 penyandang berbeza.

JPT menukar namanya kepada JPS pada 1989 sejajar dengan maksud sebenar tugas jabatan itu dan penggunaan Bahasa Malaysia yang betul, selain mencerminkan fungsi tambahan kepada agensi itu sendiri.

Malah setelah sekian lama diletakkan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, selaras dengan penyusunan Kabinet pada 2004, JPS kini merupakan agensi terpenting Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.



LOGO JPS dari tahun 1932-1989.